

# PSA UMS anjur Kursus Seni Ucapan Berkesan

UB 3.8.2017 B4

KOTA KINABALU: Persatuan Pelajar Pascasiswazah (PSA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengambil pendekatan strategik dengan mewujudkan satu kerjasama rapat dengan al-Hidayah Training and Consultancy (HTC), dalam menganjurkan kursus bertajuk Revolusi Seni Ucapan Berkesan.

Berlangsung di Dewan Auditorium Pascasiswazah, kursus itu dikendalikan penceramah dari HTC, Hadi Hidayah Tutuh, pakar pengucapan awam yang bergiat aktif di negeri Sabah.

Beliau memperkenalkan

teknik yang menekankan kepada pengaruh variasi suara bagi menarik perhatian para pendengar berdasarkan pengalaman menyampaikan ceramah lebih 25 tahun serta pengalaman mewakili Sabah dalam pidato kebangsaan.

Menurut Hadi, manfaat utama yang dapat diperolehi oleh seseorang itu melalui pengalaman mengikuti kursus sedemikian ialah meningkatnya rasa keyakinan yang lebih baik.

“Rasa gugup dapat dikawal jika seseorang itu tahu bagaimana menggunakan seni variasi suara dengan sesuai dan teratur,” katanya.

Sementara itu, Timbalan



JAKARIA (duduk, enam dari kanan) bergambar bersama peserta kursus.

Dekan (Hal Ehwal Pelajar) Pusat Pengajian Pascasiswazah Jakaria Dasan

menjelaskan penganjuran kursus sebegini adalah perlu bagi mengasah kemahiran

berkomunikasi para pelajar. Katanya, ia kerana kemahiran berkomunikasi

merupakan satu halangan besar dalam usaha pelajar pascasiswazah membuat

penyelidikan terutama ketika mereka membuat pembentangan mengenai kajian di peringkat fakulti mahu pun di persidangan kebangsaan dan antarabangsa.

“Usaha mengadakan kursus seperti yang diadakan itu adalah satu usaha yang relevan dan wajar untuk dianjurkan secara berterusan,” katanya.

Pada kursus itu, seramai 53 orang telah mengambil bahagian termasuk peserta dari Makassar, Indonesia yang terdiri dari kalangan penjawat awam dan swasta serta para penuntut dari UMS dan universiti lain.